

18 APR 2002
Abdullah-keganasan
12 LAGI ANGGOTA KMM DITAHAN

BUKIT MERTA JAM, 18 April (Bernama) -- Dua belas anggota Kumpulan Militan Malaysia ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semalam sebagai sebahagian daripada tindakan berterusan pihak berkuasa untuk membanteras kegiatan keganasan di negara ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata penahanan mereka adalah atas asas yang sama seperti penahanan anggota-anggota kumpulan itu sebelum ini.

"Tindakan polis untuk terus menahan mereka yang disyaki terbabit dengan kegiatan KMM adalah sebagai satu langkah pencegahan bagi mengelak berlakunya sebarang kegiatan keganasan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Umno Bahagian Bukit Mertajam di sini.

Abdullah berkata polis akan terus menyiasat saki-baki anggota kumpulan itu kerana mereka mempunyai agenda perjuangan militan di negara ini.

"Sekarang ramai yang sokong kita ambil tindakan pencegahan kerana tindakan ini adalah yang terbaik dan pepatah Melayu ada menyebut...bertindak sebelum kena, berjimat sebelum habis," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sememangnya menentang sebarang bentuk keganasan dan sebabkan itulah negara ini mempunyai pendirian yang tegas terhadap isu serangan Israel di Palestin.

Abdullah berkata, pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden George W. Bush di Washington bulan depan, akan memberi peluang kepada pemimpin Amerika Syarikat itu untuk mendengar sendiri pandangan Malaysia.

Katanya, Bush akan berpeluang mendengar sendiri suara rakyat Malaysia menerusi pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir yang merupakan seorang tokoh yang berani dan tegas serta berpengaruh di negara-negara Islam.

Terdahulu itu, Abdullah menerima memorandum bantahan keganasan terhadap rakyat Palestin daripada Pemuda Umno Bahagian Bukit Mertajam yang diserahkan oleh ketuanya Roslan Ishak.

Abdullah berkata, beliau bersyukur kerana pemuda di negara ini begitu besemangat untuk menentang keganasan dan sensitif dengan perkembangan di Asia Barat.

Mengenai beberapa tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dilaporkan melancarkan mogok lapar di Penjara Taiping, Abdullah berkata mereka telah mula makan sejak semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata mogok lapar itu hanyalah bertujuan mencari simpati dan meraih sokongan bagi perjuangan politik pihak tertentu.

"Majoriti rakyat Malaysia tidak memberi sokongan kepada perjuangan politik pihak terbabit dan golongan itu cuba mengambil satu tindakan untuk mendapat perhatian dan simpati rakyat," katanya.

-- BERNAMA
AZE MAI